

# DIARI JKSB

Edisi ke-2 / APRIL — JUN 2018

*Selamat Hari Raya Aidilfitri*



# Kata-Kata Aluan

## Ketua Jabatan

### Sidang Editor

#### Penaung

P.M. Dr. Abd Halid Abdullah

#### Penasihat

Dr. Ahmad Zurisman Mohd Ali

#### Ketua Editor

Dr. Faisal Sheikh Khalid

#### Penyumbang Artikel

Dr. Ahmad Zurisman Mohd Ali

Dr. Faisal Sheikh Khalid

Dr. Mohd Hanif Ismail

Dr. Nor hazurina Othman

Pn. Hafizah Salleh



Assalamualaikum w.r.t. dan salam sejahtera. Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi, Diari JKSB dapat terus diterbitkan dengan edisi yang kedua pada tahun 2018. Syabas dan tahniah kepada pasukan editor Diari JKSB yang diterajui oleh Dr. Faisal Sheikh Khalid kerana berterusan mencakna aktiviti JKSB untuk dihipunkan pada edisi kali ini. Syukur dan syabas juga kepada semua warga JKSB yang telah berjaya dalam pelbagai aspek pada separuh pertama tahun 2018 ini. Jelas, warga JKSB telah menunjukkan kejayaan, komitmen dan semangat yang tinggi dari awal tahun sehingga saat ini. Saya yakin, warga JKSB akan terus meningkatkan prestasi dan kejayaan untuk separuh kedua tahun 2018 dengan mencipta lebih banyak kejayaan bersama. Semoga semua sasaran tahunan kita pada tahun ini akan tercapai dengan cemerlang dan meletakkan JKSB terus dihadapan.

Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada semua staf JKSB dalam menamatkan sesi pengajaran dan pembelajaran semester 2 2017/2018 dengan jayanya. Semoga kualiti pengajaran dan pembelajaran pada semester ini akan terus dipertingkatkan.

Saya di meja Ketua Jabatan JKSB ingin mengucapkan selamat hari raya, maaf zahir dan batin kepada seluruh warga JKSB. Marilah kita mengambil kesempatan syawal ini untuk terus bersatu padu sebagai satu entiti berpasukan yang mantap dalam memastikan objektif kita tercapai dengan jayanya.

Sekian, Wassalam.

## Ketua Editor



Alhamdulillah, Diari JKSB edisi kedua untuk tahun 2018 telah berjaya disempurnakan. Penampilan Diari kali menggambarkan intipati kerja warga JKSB pada separuh pertama tahun 2018. Pelbagai perkongsian oleh warga JKSB dapat memberi manfaat kepada keseluruhan jabatan.

Akhir kata, saya mewakili pasukan editor Diari JKSB mengucapkan selamat hari raya, maaf zahir dan batin.

Sekian, Wasalams

# TAHNIAH PENERIMA ANUGERAH KECEMERLANGAN

## CESWEC 2018

Oleh: Dr Faisal Sheikh Khalid


Sempena Majlis Hari Raya Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar (FKAAS), CESWES FKAAS telah menganjurkan anugerah kecermerlangan staf yang telah banyak menyumbang jasa dan tenaga kepada fakulti. Beberapa staf JKSB telah menerima anugerah tersebut yang disampaikan pada majlis tersebut. Pasukan editor JKSB mengucapkan tahniah dan selamat maju jaya kepada semua staf JKSB yang telah memperolehi anugerah tersebut. Syabas JKSB.



**Dr. Sallehuddin Shah Bin Ayop**



**Ahmad Fahmy Bin Kamarudin**



**Dr. Nurazuwa Binti Md Noor**



**Pn. Roslina Jamil**



**Mohd Afandi Abu Bakar**



**Koh Heng Boon**



**Pn. Tuan Norhayati Tuan Chik**



**Dr. Goh Wan Inn**



**Razali Slamet**

# **AGM: CONCRETE SOCIETY MALAYSIA (CSM)**

---

*Oleh: Dr Ahmad Zurisman Mohd Ali*

Tahniah kepada Prof. Madya Dr. Mohd Haziman Wan Ibrahim, Dr. Ahmad Zurisman Mohd Ali dan Dr. Shahiron Shahidan atas pelantikan di dalam Ahli Majlis Tertinggi CSM. Pelantikan ini belangsung sempena Annual Grand Meeting (AGM) pada 24 April 2018 di Universiti Teknologi MARA (UiTM). Tahniah dan syabas diucapkan kerana berjaya menempa nama di dalam persatuan professional dan membawa kredit kepada fakulti dan universiti.

## **Presiden**

*Prof. Madya Dr. Mohd Haziman Wan Ibrahim*

## **Setiausaha Agung**

*Dr. Shahiron Shahidan*

## **Naib Presiden**




**Sesi bergambar ahli majlis tertinggi baru CSM**

# **JAMBATAN LIDI: ELEMEN ANALISIS STRUKTUR TERUJI**

---

*Oleh: Dr Faisal Sheikh Khalid*

Kursus Analisis Struktur BFC 21403 telah melaksanakan ujian kekukuhan jambatan lidi sebagai projek kursus. Kesemua kumpulan pelajar yang melibatkan 5 seksyen telah berkumpul dan menguji kekukuhan jambatan mereka. Jambatan direka sepanjang 1 m dan ketinggian 0.3 m hendaklah mampu menampung berat 10 KG beban yang dikenakan. Kumpulan terbaik adalah jambatan yang mempunyai berat terendah dan mampu men-



**Antara kumpulan yang sedang menguji kekukuhan jambatan mereka**



*Happy Birthday*